

Headline	Pukulan flick Razie masih aset pasukan lelaki negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	62
ArticleSize	256 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,932		



Pukulan *flick* Razie masih aset pasukan lelaki negara

PAKAR *flick* skuad hoki lelaki negara, Muhammad Razie Abd. Rahim percaya sentuhannya menerusi pukulan sudut penalti masih menjadi senjata utama buat *Malaysian Tigers* pada Piala Sultan Azlan Shah (PSAS) di Ipoh, Perak yang bermula 3 hingga 10 Mac depan.

Razie, 31, yakin penyudahnya masih tajam walaupun tidak menjaringkan banyak gol bersama Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) dengan keseluruhan empat gol sepanjang kempen Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Tonggak pertahanan itu tidak mendapat banyak peluang mengambil pukulan sudut penalti kerana KLHC lebih memberikan keutamaan kepada pakar *flick* Korea Selatan, Jang Jonghyun yang meledak

keseluruhan 16 gol musim ini.

"Saya kurang mengambil pukulan (sudut penalti) kerana KLHC mempunyai Jonghyun. Namun setiap kali saya ada peluang, saya akan memanfaatkannya sebaik mungkin.

"Banyak juga sebenarnya *flick* yang saya ambil pada liga musim ini. Contohnya, saya dapat menjaringkan satu gol daripada dua pukulan sudut penalti saya ambil.

"Berdasarkan statistik, saya rasa tiada masalah untuk saya terus mengambil pukulan sudut penalti dan menjaringkan gol buat skuad negara pada PSAS bulan depan," katanya pada sidang akhbar di Petaling Jaya kelmarin.

Walaupun kurang menjaringkan gol tetapi Razie merupakan antara watak penting di bahagian perta-

hanan KLHC yang berjaya merangkul dua kejuaraan, Piala Tun Sri P. Alagendra dan Piala Sumbangsih musim ini.

Selain itu, kebolehan 'membaca' permainan dan kepimpinannya dalam padang turut menjadi faktor utama kejayaan KLHC bergelar naib juara Divisyen Premier MHL dan Piala TNB musim ini.

Pada saingan PSAS nanti, *Malaysian Tigers*, ranking No. 12 dunia akan berdepan lima gergasi antarabangsa, Australia (No. 1), Argentina (No. 2), India (No. 6), England (No. 7) dan Ireland (No. 10).

RAZIE (kanan) sedia mengambil pukulan sudut penalti buat pasukan *Malaysian Tigers* pada PSAS di Ipoh, Perak yang bermula 3 Mac depan.

